

Pengarah Urusan Mydin Kongsi Rahsia

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris menyampaikan cenderamata kepada Dato' Ameer Ali Mydin selepas Majlis Perkongsian Ilmu di UPM.

SERDANG, 17 Ogos - Memupuk sikap keusahawanan pada diri anak-anak sejak kecil supaya mereka beroleh kemahiran pelbagai skil keusahawanan menjadi tunjang kepada Dato' Ameer Ali Mydin menjadi peneraju kepada sebuah syarikat pasaraya besar terkemuka negara iaitu Mydin.

Kata beliau sejak kecil lagi ayahnya mendedahkan pengalaman berharga dalam selok belok keusahawanan iaitu pengurusan wang dan pengurusan kedai walaupun keluarganya hanya mempunyai sebuah kedai runcit kecil di Kota Bharu, Kelantan.

"Apabila balik dari sekolah, saya akan membantu kedai ayah hingga ke petang sambil membuat homework. Ayah tidak akan memberi upah lebih kecuali jika saya mencari wang tambahan melalui cara bermiaga dengan kawan-kawan sekolah.

"Sehingga sekolah saya menyambung pengajian di Amerika Syarikat. Saya bekerja sebagai pembantu restoran dan penjaga tandas untuk mencari wang lebih," Dato' Ameer menyingkap bagaimana minat dalam bidang perniagaan dipupuk sejak kecil oleh ayahnya kepada 600 staf UPM yang hadir dalam majlis perkongsian ilmu bersama beliau yang dianjurkan Pendaftar di sini.

Beliau memberi contoh kejayaan Mydin hasil sokongan daripada keluarga dan menyifatkan kesatuan keluarga asset penting untuk membangunkan sebuah perniagaan yang berjaya.

Katanya kejayaan Mydin sebagai sebuah syarikat pemborong dan peruncit yang mempunyai 40 cawangan dalam negara banyak disumbang oleh sikapnya yang mengkaji kekuatan pesaing.

"Jangan ambil mudah pesaing kita. Kita boleh copy and paste apa kekuatan pesaing," katanya memberi contoh sebuah pasaraya besar terkemuka memandang rendah keupayaan Mydin yang didirikan berhampiran dengan mereka di Subang Jaya tetapi kini membuka mata apabila Mydin mampu meraih majoriti pelanggan.

Dato' Ameer berkata masalah utama usahawan ialah bagaimana untuk memanipulaskan persepsi pelanggan terhadap harga dan kualiti barang kerana walaupun manapun pelanggan mereka tetap prihatin terhadap apa yang mereka belanjakan.

"Dalam perniagaan first thing ialah humility, seterusnya work hard and satisfaction, bukannya terhadap sekadar apa yang kamu lakukan sekarang. We must passionate what we do."

"Seseorang pekerja itu tidak berdisiplin jika dia lewat ke sesuatu tempat yang dijanjikan. Lebih baik kita tanamkan sikap hadir lima minit awal daripada masa sepatutnya," katanya yang amat mementingkan pengurusan masa untuk berjaya.

Beliau juga tidak menafikan terdapat dugaan di sebalik kejayaannya seperti peristiwa kebakaran cawangan Mydin di Kota Bharu dan ketika sukaranya mendapat kepercayaan bank untuk membiayai pasaraya Mydin di Subang Jaya.

Dato' Ameer memperolehi ijazah dalam bidang Kimia dari Western Michigan University pada 1979 dan ijazah sarjana dalam bidang Pengurusan Antarabangsa dari Sonoma State University, California pada 1980. Sejak berhenti dari Arab-Malaysia Merchant Bank dan membuka kedai pertama berjenama Mydin sempena nama ayahnya pada tahun 1986, beliau tidak lagi menoleh ke belakang.



Datuk Ameer ketika menyampaikan ceramah.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia